



## Selawat Untuk Keselamatan Kami Salutations For Our Safe Deliverance

# صلواتٍ تُنجِّينا

Selawat ini adalah ubat dan penawar yang mujarab bagi segala musibah, masalah, kesulitan dan kesusahan. Bacalah sebanyak 70 kali ketika berhadapan dengan keperluan yang sangat sulit. Seorang alim iaitu, Imam ibn Faikihani (RA) mengatakan pernah ada seorang yang saleh bernama Sheikh Moosa Zareer (RA). Semasa pelayaran dan kerana angin ribut dan hujan lebat, kapal yang dilaluinya mula karam. Semua penumpang di atas kapal mula menangis, tetapi Sheikh Moosa bersemadi. Beliau melihat Nabi SAW hadir dan Nabi mengarahkannya dan para penumpang untuk membaca Selawat Tunajjeena 1000 kali. Sheikh Moosa terus mula membaca dan baru menyelesaikan 300 kali selawat dan cuaca lenyap dan mendarat dengan selamat tetapi kapal lain tidak dapat melalui musibah dengan selamat. Selawat ini diamal oleh para Mashayakh dan Auliyah kerana kehebatannya.

This Selawat is a potent remedy and cure for all calamities, troubles, distress, and hardships. Recite it 70 times when faced with a dire need. The great Scholar, Imam ibn Faikihani (RA) says there was once a pious man called Sheikh Moosa Zareer (RA). During a voyage due to a heavy storm, the ship he was in started sinking. All the passengers on board started crying, but Sheikh Moosa went to meditate. He saw the Holy Prophet (SAW) in his vision and the Prophet directed him and the passengers to recite Selawat Tunajjeena 1000 times. Sheikh Moosa got up and started the recitation and had just completed 300 times the storm subsided, and the ship was saved. Likewise, another ship was ill fated. This Selawat is most preferred amongst the Saints.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْلَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
 صَلُوٰةً تُنْجِّينَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ وَلِأَفَاتِ وَتَقْضِيَ لَنَا بِهَا جَمِيعَ  
 الْحَاجَاتِ وَتُطْهِرْنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ وَتَرْفَعْنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى  
 الدَّرَجَاتِ وَتُبَلِّغْنَا بِهَا أَقْصَى الْغَایَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي  
 الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

1000 x / 11 x

Bismillaa Hirrahmaa Nir Raheem. Allaahumma Swalli `Alaa Saiyyidinaa Muhammadiw Wa `Alaa Aali Saiyyidinaa Muhammadiw, Swalaatan Tunajjeena BiHhaa Min Jamee`il `AHhwaali Wal Aafaat. Wa Taqdhee Lanaa BiHhaa Jamee`il Haajaat. Watu-toh Hirnaa BiHhaa Min Jamee`is Saiyyaaat. Wa Tarfa `unaa BiHhaa `indakaa`alad Darajaat. Wa Tuballighunaa BiHhaa Aqswal Ghaayaat, Min Jamee`il Khairaat, Feel Hayaat, Wa B`adal Mamaat, Innaka `Alaa Kulli Shai inn Qadeer.

Dengan Nama Allah Yang Amat Pengasih Lagi Penyayang. Yaa Allah! Limpahkanlah selawat kepada junjungan kami Muhammad dan pada keluarga junjungan kami Muhammad; yang melaluinya Engkau akan menyelamatkan kami dari semua keadaan yang menakutkan dan membahayakan, dengan Rahmat itu Engkau akan menunaikan segala hajat kami dan membersihkan semua keburukan kami, mengangkat kami pada derajat tertinggi, menyampaikan kami pada puncak tujuan, dari semua kebaikan di waktu hidup dan sesudah mati. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.



In the name of Allah, Most Gracious, Most Merciful. O Allah! Send salutations upon our Master Muhammad, and our Master Muhammad's family, deliver us from all trials and tribulations; and through which You fulfil for us every need; and through which You purify us from every sin; and through which You raise us to the loftiest of degrees in Your Presence; and through which You cause us to reach the furthest limit, in all forms of goodness, in this life and after death, indeed You are all Powerful over everything.

### Khasiat Doa Nurun Nubuwah

Di riwayatkan bahawa doa ini di sampaikan kepada Nabi oleh Malaikat Jibril AS pada suatu pagi ketika Nabi sedang duduk bersama para sahabat selepas solat subuh.

Jibril AS berkata kepada Nabi: "Aku di utus oleh Allah membawa Doa Nurun Nubuwah untuk di serahkan kepadamu ya Rasulullah."

Rasulullah bersabda: "Jika kamu ingin di muliakan orang lain, bacalah doa ini."

Rasulullah bersabda: "Barangsiapa yang ingin berjumpa dengan para nabi, bacakan 100 kali doa ini, kemudian tidur, InsyaAllah akan bermimpi berjumpa dengan para nabi dan sesiapa memandangnya akan berasa kasih sayang."

Selain dari menghapus dosa (kecuali syirik), terdapat banyak lagi faedah, termasuk: Doa untuk memohon kekayaan. Amalkan selepas tiap waktu, apa yang kita hajati akan berhasil. Membacalah sekali ketika matahari hampir terbenam, Allah akan mengampuni segala dosanya. Jika ada raja yang ingin menjadi pendeta, maka akan tercapai. Demikian juga jika ada pendeta yang ingin menjadi wali Allah, dengan membaca doa ini InsyaAllah mendapatnya. Baca supaya musuh akan menjadi sayang pada anda. Apabila di letakkan pada tanaman, terselamat daripada segala musuh. Jika terjadi permusuhan, bacakan berulang kali, InsyaAllah akan berhenti.

Jika dibaca pada malam Isnin, Allah akan memberi keselamatan, dan malam Selasa, untuk kekuatan dan pada malam Rabu, gigi menjadi teguh dan pada malam Khamis untuk memperelokkan wajah. Jika ingin bertemu raja jin, sucikan diri anda daripada najis dan hadas, bacakan doa ini 100 kali pada malam Jumaat di tempat yang suci dan sunyi. Untuk menyembuhkan orang sakit, baca doa ini pada minyak. Sapukan minyak itu pada tempat yang sakit. Andainya anda ingin mendekati raja, orang berkedudukan tinggi atau orang ramai, baca doa ini setiap hari, InsyaAllah semua akan kasihkan anda. Baca 100 kali pada malam sabtu, InsyaAllah anda akan diperlihatkan keajaiban. Baca pada malam minggu untuk senantiasa muda. Baca pada hari raya, maka apa yang dihajat akan segera berhasil. Jika ada orang sakit mata, bacakan doa ini dan hembuskan pada matanya. Jika ada wanita yang sukar bersalin, bacakan doa ini pada air dalam mangkuk putih, minumkan air itu, InsyaAllah bayinya akan cepat lahir. Apabila ada orang digigit ular, kena bisa, racun atau penyakit lain, bacakan doa ini pada tempat yang luka atau tempat yang sakit, InsyaAllah lekas sembuh.

Jika ada orang yang digangu hantu, syaitan, jin, kerasukan, pengsan atau gila, bacakan pada minyak dan sapukan pada orang berkenaan. Tuliskan doa ini dan simpan dalam rumah, InsyaAllah terselamat daripada sihir, ilmu hitam dan penyakit. Apabila diletakkan pada tempat yang didiami syaitan, iblis, jin, hantu dan segala makhluk halus yang jahat, InsyaAllah semua akan pergi dari situ.

Di-medan perang, bacakan doa ini, InsyaAllah tidak di kejar musuh, sebaliknya musuh akan bercerai-berai sesama sendiri.

Jika anda hendak melamar seseorang wanita, berpuasalah sehari dan jangan tidur pada malamnya. Bacakan doa ini terus-menerus di tempat sunyi. InsyaAllah Doa anda diterima. Maka bacalah Doa ini dengan ikhlas dan bacalah selawat 11, 33 atau 313 kali sebelum dan selepas Doa ini, supaya di capai hajat dengan segera.



"Saya Mengimami Solat Dan Antara Makmum Adalah Guru Saya Syakh Khaja Habibullah Shah (QSA). Pada Saat Itu Saya Nampak Wajah Saya Pada Semua Para Jemaah. Subhanallah!"

"I Was Leading The Prayer With My Guide Shaykh Khaja Habibullah Shah (QSA), Who Was Following The Prayer. In A Few Moments I Saw Myself And All Those Who Were Praying Together Were Mirroring My Face. Subhanallah!"

Moulavi Said Khaja Qurbani Shah Qaderi Chishty (QSA)